

22 JUN 1999

Sabah-Ganjaran

ULIN NAFI TERIMA RM5 JUTA UNTUK SERTAI BN

KOTA KINABALU, 22 Jun (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Pensiangan, Ulin Pamiang hari ini menafikan dakwaan kononnya beliau menerima RM5 juta sebagai ganjaran meninggalkan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai Umno.

"Saya memasuki Umno secara sukarela tanpa paksaan dan tidak menerima keistimewaan atau wang ganjaran RM5 juta," katanya pada persidangan berita di sini.

Ulin berkata beliau menyertai Umno dengan niat murni untuk membela nasib rakyat di kawasan itu yang majoritinya mahukan perubahan dan pembangunan.

"Saya telah mendapatkan pandangan daripada penyokong-penyokong saya dan mereka rata-rata berpendapat bahawa saya berkedudukan lebih baik untuk membawa pembangunan di Pensiangan sekiranya berada dalam Barisan Nasional yang memerintah negeri ini," katanya.

Bersama-sama beliau pada persidangan berita itu ialah 60 penyokong kuat PBS termasuk anggota jawatankuasa bahagian yang turut mengumumkan keputusan mereka keluar daripada parti pembangkang itu.

"Saya terpaksa akur kepada kehendak mereka yang tidak ingin ketinggalan daripada arus pembangunan kerana Pensiangan adalah satu daripada kawasan termundur di Sabah," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau telah menandatangani ikrar taat setia kepada PBS untuk tidak meninggalkan parti itu sebelum bertanding pada pilihan raya lepas, Ulin berkata: "Saya ada menandatangani tetapi terserahlah kepada peguam saya".

Kepada soalan sama ada beliau bersedia mengosongkan kerusinya bagi memberi laluan kepada pilihan raya kecil kerana mengingkari perjanjian itu, beliau berkata: "Biarlah proses undang-undang menentukan nasib saya".

Ulin berkata beliau bersedia menghadapi pilihan raya kecil sebagai calon BN sekiranya mahkamah memutuskan sedemikian dan yakin akan mendapat sokongan sekali lagi daripada rakyat.

Semalam, Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata parti itu sedang mengkaji kemungkinan mengambil tindakan undang-undang terhadap Anggota Dewan Undangan Negeri yang keluar daripada parti itu.

Ahad lepas, Ulin bersama Timbalan Presiden PBS Abdul Malek Chua, anggota dewan bagi kawasan Kuamut, mengumumkan keputusan mereka untuk menyertai Umno dan menyerahkan borang permohonan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

NT MAI